Nama: ____________________ Tarikh: ______________

# Pentaksiran PraPT3

Markah /100

## Bahagian A

[20 *markah*]
*Jawab* **semua** *soalan.*

1. Kerajaan Champa diasaskan oleh Chu-Lien pada tahun 192 M.
Semasa pemerintahan siapakah yang masyhur?
**A** Soma
**B** Fan Shih Man
**C** Che Bong Nga
**D** Raja Tran Due Tong

2. Gambar berikut adalah ukiran pengaruh Islam yang ditemui di Beruas, Perak.



Bagaimanakah cara penyebaran agama Islam di Alam Melayu?
**A** Pendeta
**B** Pedagang
**C** Bangsawan
**D** Ahli bangsawan

3. Mengapakah tanaman padi menjadi keutamaan dalam bidang pertanian masyarakat kerajaan Alam Melayu ?
**A** Senang ditanam
**B** Modal yang sedikit
**C** Makanan ruji penduduk
**D** Sumber air yang berlebihan

4. Terdapat pedagang luar yang turut berdagang di Alam Melayu.
Apakah barang yang di bawa oleh pedagang Arab dan Parsi?
I Kain sutera
II Pinggan
III Minyak wangi
IV Barangan kaca
**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

5. Apakah jenis tulisan yang ditemukan pada dinding candi dalam kerajaan Angkor?
**A** Tulisan Jawi dan Khmer
**B** Tulisan Kawi dan Khmer
**C** Tulisan Khmer dan Palava
**D** Tulisan Orang Hu dan Palava

6. Gambar berikut ialah ukiran pada Candi Borobudur.



Apakah yang boleh dikaitkan dengan gambaran di atas?
**A** Pemujaan
**B** Aktiviti rakyat
**C** Aktiviti keagamaan
**D** Golongan pemerintah di istana



LIVEWORKSHEETS

7. Apakah kepentingan penyembahan nenek moyang menurut kepercayaan animisme?
   A Memastikan roh nenek moyang tenang
   B Memastikan tiadanya gangguan makhluk halus
   C Memastikan keluarga yang masih hidup mendapat kebaikan
   D Memastikan keluarga sentiasa dilimpahi rahmat dan kesenangan.

8. Di dalam kerajaan Alam Melayu yang manakah terdapat golongan tentera dipilih sebagai raja?
   A Kerajaan Champa
   B Kerajaan Majapahit
   C Kerajaan Kedah Tua
   D Kerajaan Gangga Nagara

9. Gambar berikut adalah gambaran sultan yang memerintah Kesultanan Melayu Melaka.



   Apakah yang menetapkan bidang kuasa raja dalam memerintah?
   A Perlembagaan
   B Buku Panduan Raja
   C *Hukum Kanun Melaka*
   D *Undang-undang Laut Melaka*

10. Apakah kepentingan Kesultanan Melayu Melaka membina empayar dalam meluaskan kuasa politik?
   A Menguasai perdagangan
   B Meluaskan penyebaran agama Islam
   C Untuk mendapatkan bekalan makanan
   D Menyekat pengaruh Siam, Majapahit dan Pasai

11. Dalam Perang Tiga Segi antara Johor-Acheh-Portugis, mengapakah Acheh menyerang Portugis di Melaka?
   A Mendapatkan kuasa
   B Menguasai perdagangan rempah
   C Merampas Melaka daripada Portugis
   D Portugis mahu menguasai perdagangan Acheh

12. Bantuan berikut diberikan oleh kerajaan Johor Riau dalam perang Belanda-Portugis **kecuali**
   A Menggali parit kubu
   B Bantuan ketenteraan
   C Membuat tapak meriam
   D Menaikkan semangat tentera Belanda

13. Kesultanan Selangor mengamalkan sistem pewarisan takhta.
   Bagaimanakah pelantikan sultan dilakukan?
   A Undian antara Raja Muda
   B Atas kelulusan Majlis Mesyuarat Negeri
   C Atas nasihat dan pengesahan Dewan di-Raja
   D Persetujuan semua pembesar dan Raja Muda

14. Gambar berikut adalah Seraja Diraja yang digunakan semasa pemakaman Diraja.



   Apakah larangan yang dilakukan setelah jenazah dimakamkan?
   A Nobat tidak boleh dimainkan
   B Upacara perayaan ditangguhkan



LIVEWORKSHEETS

C Pemberian sedekah tidak boleh dilakukan dalam masa seminggu
D Adat istiadat ditangguhkan dalam masa sebulan

15. Apakah kesan daripada kemangkatan pemerintah terakhir Negara Patani Besar, Raja Bahar pada tahun 1670?
A Keruntuhan kerajaan Kelantan
B Pusat pentadbiran asal dipindahkan
C Kelantan berpecah kepada dua wilayah
D Pergaduhan antara pembesar dalam perebutan kuasa

16. Hubungan perdagangan juga melibatkan keperluan barang dagangan antara kerajaan.
Apakah barang dagangan yang diperdagangkan oleh Kelantan?
A Beras
B Emas
C Bijih timah
D Kapur barus

17. Apakah asas pelaksanaan hukuman dalam Adat Pepatih?
A Bersifat tegas untuk pengajaran
B Lebih kepada hukuman yang berat
C Bersifat pemulihan dengan memberikan pertimbangan
D Tidak menggalakkan perbincangan sebelum kajian kes

18. Gambar berikut adalah gambaran Ibu Soko dalam Adat Pepatih di Negeri Sembilan.



Apakah kepentingan utama kehadiran Ibu Soko dalam pelantikan pemimpin?
A Merupakan ketua dalam semua adat istiadat
B Pelantikan pemimpin terbatal secara langsung
C Berperanan sebagai ketua kaum wanita yang membuat keputusan
D Pelantikan pemimpin boleh dilaksanakan dengan kehadiran Ibu Soko

19. Gambar berikut adalah salah satu masyarakat bumiputera Sabah.



Apakah maksud nama Dusun menurut catatan sejarah?
A Orang kampung
B Petani pedalaman
C Masyarakat luar bandar
D Orang yang kuat bekerja

20. Kaum bumiputera Sabah memiliki tarian yang diwarisi sejak zaman-berzaman.
Apakah tujuan tarian Limbai yang ditarikan oleh kaum Bajau?
A Menuai padi
B Adat Istiadat
C Perkahwinan dan majlis keramaian
D Sebelum berperang


LIVEWORKSHEETS